A

Zainal bin Osman lwn Universiti Kebangsaan Malaysia

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT6–22–628 TAHUN 2002
NOR BEE ARIFFIN PK
19 APRIL 2010

C

Kontrak — Penamatan — Notis penamatan — Penamatan kontrak plaintif sebagai jurugambar rasmi — Sama ada defendan memberi notis penamatan kepada plaintif — Sama ada penamatan perkhidmatan plaintif munasabah — Sama ada kontrak dinilai dari setahun ke setahun — Sama ada defendan berhak menamatkan perkhidmatan plaintif

D

Plaintif dilantik menjadi jurugambar rasmi bagi majlis konvokesyen defendan dari setahun ke setahun mulai 1986 hingga ke 1993 dan plaintif bebas memberikan perkhidmatan sebagai jurugambar profesional kepada orang awam dan institusi pengajian tinggi yang lain. Defendan memaklumkan plaintif melalui surat bertarikh 21 Julai 1994 tentang persetujuan pada

E

prinsipnya untuk memberikan kontrak perkhidmatan sebagai jurugambar rasmi defendan selama lima tahun. Selepas tamat lima tahun tersebut plaintif memohon untuk menyambung tempoh perkhidmatannya lima tahun lagi. Defendan membincangkan perkara tersebut di mesyuarat pengurusan universiti (MPU) pada 10 Jun 1998 dan cabutan minit mesyuarat yang

F

dikemukakan kepada plaintif melalui surat defendan bertarikh 13 Julai 1998 menyatakan bahawa defendan bersetuju pada prinsipnya meluluskan permohonan plaintif dengan syarat perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan hati pelanggan dan akan dikaji dari tahun ke tahun. Seterusnya, defendan mengadu kepada plaintif rungutan para jemputan di satu majlis

G

konvokesyen mengenai penggunaan pancaran cahaya. Rayuan plaintif untuk terus menggunakan pancaran cahaya dibenarkan oleh MPU dengan saranan agar penggunaan cahaya dikurangkan di majlis konvokesyen tahun 2001. Plaintif kemudiannya menghuraikan langkah yang dicadangkan untuk mengurangkan penggunaan pancaran cahaya tersebut. Walau bagaimanapun,

H

plaintif dimaklumkan secara lisan bahawa perkhidmatannya akan ditamatkan mulai 2002. Justeru, plaintif mengemukakan rayuan agar perkhidmatannya dilanjutkan sehingga 2004. MPU pada 23 Januari 2002 menamatkan perkhidmatan plaintif atas alasan perkhidmatan plaintif adalah tidak memuaskan. Rayuan plaintif terhadap keputusan tersebut ditolak. Plaintif

I

mencabar tindakan defendan membatalkan pelantikannya sebagai tidak sah di sisi undang-undang kerana dibuat tanpa apa-apa alasan atau tanpa alasan yang munasabah. Defendan menyatakan bahawa plaintif telah gagal memperbaiki mutu gambar dan mutu perkhidmatan apabila tidak berjaya mengatasi masalah penggunaan pancaran yang keterlaluan walaupun telah beberapa kali

diberikan peringatan. Sejak tahun 1998 mutu gambar-gambar yang dibekalkan oleh plaintif adalah tidak memuaskan dan penggunaan pancaran cahaya yang keterlaluan. Isu-isu dalam tindakan ini, antara lain, adalah: (a) sama ada pelantikan plaintif melalui surat tawaran bertarikh 13 Julai 1998 untuk tempoh lima tahun dari 1998 hingga 2004 adalah tertakluk kepada plaintif memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan juga tertakluk kepada kajian oleh defendan dari setahun ke setahun; (b) sama ada penamatan pelantikan plaintif oleh defendan adalah munasabah; dan (c) sama ada defendan telah memberikan notis kepada plaintif untuk memperbaiki atau memperbetulkan keingkaran sebelum menamatkan pelantikan plaintif.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Perbezaan perlu dibuat antara maksud dan kesan surat defendan berhubung dengan pelantikan plaintif yang bertarikh 21 Julai 1994. Adalah tidak tepat bagi plaintif mengasaskan hujahan beliau kepada surat bertarikh 21 Julai 1994 dalam usaha menekankan hakikat bahawa plaintif telah memenuhi segala terma dan syarat yang dikenakan yang tidak mewajarkan tindakan defendan menamatkan perkhidmatan -plaintif. Maksud kandungan minit mesyuarat MPU bertarikh 10 Jun 1998 dan surat bertarikh 13 Julai 1998 adalah jelas dan nyata. Kesannya adalah pelantikan plaintif bukannya untuk tempoh lima tahun sekaligus tanpa terganggu seperti mana tempoh yang dinikmati oleh plaintif selama lima tahun dari 1994 hingga 1998. Syarat kelulusan pelantikan bukan lagi bertumpu kepada harga gambar dan jumlah sumbangan tetapi kepada prestasi perkhidmatan plaintif yang mestilah memuaskan hati seperti yang tertakluk kepada kajian semula dan penilaian oleh defendan setiap tahun dari 2000 hingga 2004. Oleh itu, kandungan surat bertarikh 13 Julai 1998 mestilah diterima seperti yang terkandung dalamnya. Persetujuan plaintif menerima terma dan syarat kontrak yang ditawarkan kepadanya mestilah diberikan kesan yang dimaksudkan oleh kedua-dua pihak. Plaintif dianggap mengakui hak defendan menilai prestasi perkhidmatannya dari setahun ke setahun dalam memutuskan sama ada kontrak perkhidmatan tersebut hendak disambung atau sebaliknya (lihat perengan 8 & 10–11).

(2) Plaintif tidak dapat memberikan kaedah terbaik bagi memastikan segala perkara yang dititikberatkan oleh defendan ditangani dengan sempurna. Plaintif seharusnya tahu atau patut tahu apa yang perlu dilakukannya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada defendan. Adalah suatu pengataan yang mengelirukan jika defendan dikatakan tidak membuat apa-apa penilaian tentang prestasi plaintif sebelum menamatkan kontrak perkhidmatan apabila keterangan yang tidak dipertikaikan oleh plaintif menunjukkan bahawa isu

penggunaan pancaran cahaya oleh plaintif telah dibawa ke dalam mesyuarat MPU (lihat perengan 13 & 15–16).

(3) Prestasi perkhidmatan yang ditunjukkan oleh plaintif semunasabahnya mewajarkan defendan menamatkan kontrak perkhidmatannya dan tindakan defendan tersebut adalah sah. Keputusan mesyuarat MPU supaya plaintif dapat mengambil tindakan mengurangkan penggunaan pancaran cahaya ketika mengambil gambar telah dimaklumkan kepada plaintif. Plaintif dimaklumkan secara lisan dan juga melalui beberapa surat yang memperjelaskan kepada plaintif sebab penamatan kontraknya. Secara keseluruhannya, keterangan menunjukkan plaintif telah diberikan banyak peluang untuk memperbaiki masalah pancaran cahaya yang berlebihan dan kontrak perkhidmatannya ditamatkan atas premis kegagalannya membaiki mutu dan tahap prestasinya (lihat perenggan 18–19).

[English summary

The plaintiff had been appointed as the official photographer of the defendant's convocation ceremony on yearly basis from 1986 until 1993 and the plaintiff was free to render his services as a professional photographer to the members of the public and other higher learning institutions. The defendant informed the plaintiff via a letter dated 21 July 1994 of its agreement to principally award the contract for services as the official photographer to the defendant for five years. Upon the completion of the five years the plaintiff applied to continue his services for another five years. The defendant discussed the matter at the management meeting of the university ('MMU') on 10 June 1998 and the minutes of meeting delivered to the plaintiff via the defendant's letter dated 13 July 1998 stated that the defendant had agreed in principal to approve the plaintiff's application on the condition that the services rendered should be satisfactory to the customer and would be assessed on yearly basis. Further, the defendant complained to the plaintiff of the invitees' complaint at a convocation ceremony on the use of the flashlight. The plaintiff's appeal to continue using the flashlight had been allowed by the MMU with the suggestion that the use of the flash be reduced at the 2001 convocation ceremony. The plaintiff thereafter explained the steps proposed to be taken to reduce the flashlight. However, the plaintiff was orally notified that his services would be terminated from 2002. Thus the plaintiff appealed for his services to be extended to 2004. MMU on 23 January 2002 terminated the plaintiff's services on the ground that the plaintiff's services were not satisfactory. The plaintiff's appeal against the decision had been dismissed. The plaintiff challenged the defendant's act in terminating his appointment as being unlawful and was done without any excuse or without reasonable cause. The defendant stated that the plaintiff had failed to improvise the quality of the photographs and the services when he did not resolve the problems of usage of

the high resolution flashlight although he had been given several reminders. Since 1998 the quality of the photographs supplied by the plaintiff was not satisfactory and the use of the flashes was in excess. The issues in this action, inter alia, were: (a) whether the plaintiff's appointment via letter of offer dated 13 July 1998 for five years from 1998 to 2004 was dependent on the plaintiff giving satisfactory services and dependant on the assessment by the defendant on yearly basis; (b) whether the termination of the plaintiff's services by the defendant was reasonable; and (c) whether the defendant had given notice to the plaintiff to improve or correct the default before terminating the plaintiff's appointment.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs:

(1) The comparison must be made between the meaning and the effect of the defendant's letter with regards to the plaintiff's appointment dated 21 July 1994. It was inaccurate for the plaintiff to base his contention to the letter dated 21 July 1994 in his effort to emphasise the fact that the plaintiff had fulfilled all the terms and condition imposed which did not allow the defendant's act of terminating the services. The meaning of the contents of the minutes of MMU meeting dated 10 June 1998 and the letter dated 13 July 1998 was clear and unambiguous. The effect of the plaintiff's appointment was not for five years duration without any interruption as the duration enjoyed by the plaintiff for five years from 1994 to 1998. The qualifying condition of the appointment was not concentrated on the price of the photographs and the contribution sum but the performance of the plaintiff's services must be satisfactory subject to the reassessment and evaluation by the defendant every year from 2000 to 2004. Thus, the content of the letter dated 13 July 1998 must be acceptable as contained therein. The plaintiff's agreement to accept the terms and conditions of the contract offered to him must be given effect as intended by both parties. The plaintiff was presumed to have admitted the defendant's right in evaluating his services on yearly basis in determining as to whether the contract of services ought to be continued or otherwise (see paras 8 & 10–11).

(2) The plaintiff could not render the best way to ensure that all matters that were given importance handled appropriately. The plaintiff should have known or should know what to do to render the best services to the defendant. It was a confusing statement if the defendant was said to have not done any evaluation about the plaintiff's performance before the termination of the contract for services when the undisputed evidence by the plaintiff showed that the issue of the use of the flashlight by the plaintiff had been brought up in the MMU's meeting (see paras 13 & 15–16).

(3) The performance of the services showed by the plaintiff reasonably allowed the defendant to terminate his contract for services and the defendant's act was valid. The decision of the MMU's meeting that the plaintiff could take action to reduce the flashlight when taking the photographs had been notified to the plaintiff. The plaintiff was notified orally and also by several letters which explained to the plaintiff the reason of his termination. Overall, the evidence showed that the plaintiff had been given ample opportunity to improve the problems of the excessive flashlight and his contract for services had been terminated on the premise of his failure to resolve the quality and the level of his performance (see paras 18–19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai notis penamatan kontrak, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 5290–5292.

Kes-kes yang dirujuk

Mulpha Pacific Sdn Bhd v Paramount Corp Bhd [2003] 4 MLJ 357, MR (dirujuk)

Protemp Exhibitions Sdn Bhd v Ng Lai Teck & Ors (sued as office bearer for Persatuan Peniaga-Peniaga Perabut Muar, Johor) & Anor [2006] 7 MLJ 64, MT (dirujuk)

James Culaz (Culaz & Associates) bagi pihak plaintif.
Daljit (Daljit & Associates) bagi pihak defendan.

Nor Bee Ariffin PK:

LATAR BELAKANG RINGKAS

[1] Plaintif dilantik menjadi jurugambar rasmi bagi majlis konvokesyen defendan ('jurugambar rasmi') dari setahun ke setahun mulai 1986 hingga ke 1993 dan pada masa yang sama bebas memberikan perkhidmatan sebagai jurugambar professional kepada orang awam dan institusi pengajian tinggi yang lain. Bermula dari majlis konvokesyen yang ke-22 pada 5 Ogos 1994 dan 6 Ogos 1994, defendan memaklumkan plaintif melalui suratnya bertarikh 21 Julai 1994 tentang persetujuan pada prinsipnya untuk memberikan kontrak perkhidmatan sebagai jurugambar rasmi defendan selama lima tahun dan tawaran sebenarnya akan dikeluarkan pada tahun yang berkenaan tertakluk kepada perbincangan dari segi harga tawaran gambar dan juga sumbangan kepada defendan. Plaintif telah memenuhi semua syarat yang dikenakan oleh defendan. Dengan berakhirnya tempoh lima tahun itu, plaintif memohon untuk menyambung tempoh perkhidmatannya selama lima tahun lagi. Permohonan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti ('MPU') pada 10 Jun 1998 dan cabutan minit mesyuarat yang dikemukakan

kepada plaintif melalui surat defendan bertarikh 13 Julai 1998 (ms 15 ikatan D) menyatakan bahawa defendan bersetuju sekali lagi pada prinsipnya meluluskan permohonan plaintif itu tertakluk kepada perkhidmatan yang diberikan memuaskan hati pelanggan dan akan dikaji dari tahun ke tahun.

[2] Plaintif pada mulanya dikatakan oleh defendan telah menggunakan *spot light* apabila mengambil gambar. Plaintif menafikan pernah pada bila-bila masa menggunakan *spot light*. Penggunaan *spot light* bukan menjadi isu dalam tindakan ini walaupun pihak-pihak bertelagah mengenainya. Menjadi isu dalam tindakan ini ialah penggunaan pancaran cahaya (flash) oleh plaintif ketika mengambil gambar di majlis konvokesyen tahun 2000 yang dikatakan oleh defendan berlebihan dan telah menimbulkan rungutan daripada para jemputannya di pentas. Rayuan plaintif untuk terus menggunakan pancaran cahaya telah dibenarkan oleh MPU (surat rayuan plaintif bertarikh 11 September 2000 di ms 27 ikatan D). Walau bagaimanapun, MPU mengingatkan plaintif supaya mengurangkan penggunaan pancaran cahaya pada majlis konvokesyen tahun 2001 dan keputusan MPU pada 27 September 2000 dan 4 Oktober 2000 dimaklumkan kepada plaintif masing-masing melalui surat SD2 bertarikh 6 Oktober 2000 (ms 30 ikatan D) dan surat pendaftar bertarikh 13 Oktober 2000 (ms 32 ikatan D). Melalui surat bertarikh plaintif 16 Oktober 2000 (ms 28 ikatan D) sebagai respons kepada surat pendaftar, plaintif menghuraikan langkah yang dicadangkannya untuk menggurangkan penggunaan pancaran cahaya. Plaintif berikutnya telah dimaklumkan oleh saksi defendan kedua (SD2) secara lisan pada 28 Disember 2001 bahawa perkhidmatannya akan ditamatkan mulai tahun 2002. Melalui surat bertarikh 31 Disember 2001 (ms 22 dan 23 ikatan D), plaintif mengemukakan rayuan supaya perkhidmatannya dilanjutkan hingga tahun 2004. MPU pada 23 Januari 2002 menamatkan perkhidmatan plaintif mulai tahun itu kerana perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif tidak memuaskan. Rayuan plaintif terhadap keputusan itu ditolak.

PLIDING PIHAK-PIHAK

[3] Plaintif mencabar tindakan defendan membatalkan pelantikannya sebagai tidak sah di sisi undang-undang kerana dibuat tanpa apa-apa alasan atau tanpa alasan yang munasabah. Plaintif menyatakan beliau telah memenuhi kesemua kehendak defendan dan telah memberikan perkhidmatan yang sempurna. Memandangkan kontrak perkhidmatannya telah setiap kali diperbaharui dan dilanjutkan, beliau telah memperbaharui peralatan penggambaran kepada jenis yang terkini dan usahanya itu telah menelan perbelanjaan yang tinggi. Penamatan itu telah mengakibatkan beliau mengalami kehilangan pendapatan dan menuntut melalui tindakan ini sebanyak RM1,500,000 pada kadar RM50 setiap graduan untuk 10,000,00 graduan bagi setiap majlis konvokesyen tahunan bagi tiga tahun.

[4] Defendan memplid dalam pembelaannya bahawa sejak dari tahun 1998 lagi mutu gambar-gambar yang dibekalkan oleh defendan adalah tidak memuaskan dan penggunaan pancaran cahaya yang keterlaluan. Plaintif telah gagal memperbaiki mutu gambar dan mutu perkhidmatan apabila tidak berjaya mengatasi masalah penggunaan pancaran yang keterlaluan walaupun telah beberapa kali diberikan peringatan. Memandangkan prestasi plaintif yang tidak memuaskan, defendan menamatkan perkhidmatan plaintif bagi majlis konvokesyen tahun 2002. Defendan menafikan bertanggungjawab atas kerugian yang dituntut oleh plaintif.

ISU-ISU

[5] Isu-isu dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

(a) sama ada pelantikan plaintif melalui surat tawaran bertarikh 13 Julai 1998 untuk tempoh lima tahun dari 1999–2004 adalah tertakluk kepada plaintif memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan juga tertakluk kepada kajian oleh defendan dari setahun ke setahun;

(b) sama ada penamatan pelantikan plaintif oleh defendan melalui surat bertarikh 31 Januari 2001 adalah munasabah dan sah;

(c) sama ada defendan telah memberikan notis kepada plaintif untuk memperbaiki atau memperbetulkan keingkaran sebelum menamatkan pelantikan plaintif; dan

(d) sama ada plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya.

Pihak-pihak bersetuju bahawa bahagian 111 dalam ikatan dokumen D dan ikatan E dan ikatan F (kecuali butiran 6 dan 7) menjadi sebahagian daripada bahagian 11.

KETERANGAN SAKSI-SAKSI

Bagi plaintif

[6] Dua saksi memberikan keterangan. Keterangan plaintif (saksi plaintif pertama/SP1) menunjukkan bahawa sepanjang tempoh pelantikannya dari 1994–1998, prestasi perkhidmatan beliau adalah amat baik dan oleh sebab itulah maka kontraknya telah dilanjutkan untuk tempoh lima tahun lagi bagi 1999–2004. Penamatan kontraknya dibuat dengan niat jahat dan bukan atas alasan perkhidmatan yang tidak memuaskan kerana:

(a) defendan telah mempelawa plaintif dalam surat bertarikh 21 Mei 2002 untuk memohon semula sebagai jurugambar rasmi;

(b) jurugambar rasmi yang menggantikannya pada tahun 2002 juga telah menggunakan studio flash setelah percubaan mereka menggunakan

pancaran cahaya dalaman (inbuilt flash) di atas kamera menyebabkan banyak gambar tidak menjadi. Dan, studio flash telah dibenarkan digunakan oleh jurugambar rasmi pada tahun 2003 dan 2004;

(c) ms 16–19 ikatan E mengandungi gambar-gambar yang diambil oleh plaintif dalam tahun 2005 untuk menunjukkan bahawa *studio flash light* masih digunakan pada majlis konvokesyen defendan dalam tahun 2005, iaitu peralatan yang sama yang telah digunakan oleh plaintif dalam tahun 2001.

Dengan penamatan kontrak, beliau tidak lagi dapat menggunakan peralatan itu dengan lebih kerap, menyebabkan peralatan tersebut rosak dan menjadi usang. Saksi plaintif kedua (SP2) ialah seorang kakitangan defendan yang berkhidmat di pejabat akademik pada masa yang material. Keterangan beliau bertujuan menyokong pengataan plaintif bahawa mutu perkhidmatan plaintif tidak tercalar sepanjang tahun 1992–2001 kerana tidak ada graduan yang mengadu tentang kualiti gambar yang diambil oleh Plaintif sedangkan ramai graduan telah membuat aduan tentang mutu gambar pada tahun 2002 apabila mereka memulangkan jubah dan oleh itu, penamatan plaintif adalah sesuatu yang memeranjatkan.

Bagi defendan

[7] Tiga saksi memberikan keterangan. Saksi defendan pertama (SD1) ialah pegawai yang kepadanya plaintif telah mengemukakan permohonan untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan selama lima tahun lagi dari 1999–2004 (ms 15 ikatan D) dan penulis surat bertarikh 13 Julai 1998. SD2 ialah ketua di pejabat perhubungan awam defendan dari 1999–2003 dan merupakan ketua kepada SD3.

DAPATAN SAYA

Isu pertama — sama ada pelantikan plaintif melalui surat tawaran bertarikh 13 Julai 1998 untuk tempoh lima tahun dari 1999–2004 adalah tertakluk kepada plaintif memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan juga tertakluk kepada kajian oleh defendan dari setahun ke setahun

[8] Perbezaan perlu dibuat antara maksud dan kesan surat defendan berhubung dengan pelantikan plaintif yang bertarikh 21 Julai 1994 (ms 9 ikatan D) dengan surat yang bertarikh 13 Julai 1998. Perenggan 4 surat bertarikh 21 Julai 1994 berbunyi seperti yang berikut:

> 4. Sukacita dimaklumkan juga bahawa pihak Universiti bersetuju untuk memberikan kontrak perkhidmatan ini untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada Konvokesyen UKM Yang Ke–22 ini. Tawaran ini adalah merupakan persetujuan

pada prinsipnya sahaja, tawaran sebenar akan dikeluarkan pada tahun yang berkenaan tertakluk kepada perbincangan dari segi harga tawaran gambar dan juga sumbangan kepada pihak Universiti.

Kandungan surat bertarikh 13 Julai 1998 pula berbunyi seperti yang berikut:

...

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya pada 10 Jun 1998 bersetuju secara prinsipnya meluluskan permohonan tuan untuk menjadi jurugambar rasmi Majlis Konvokesyen UKM selama 5 tahun lagi mulai 1999 hingga 2004. Walau bagaimanapun persetujuan ini tertakluk kepada perkhidmatan syarikat tuan yang memuaskan dan akan dikaji dari setahun ke setahun.

[9] Isu dalam kes ini berkisar pada surat defendan yang ditandatangani oleh SD1 bertarikh 13 Julai 1998 dan bukannya surat bertarikh 21 Julai 1994 yang tempohnya telahpun berlalu dan yang terma dan syarat pelantikannya adalah berlainan. Perkataan 'pelanggan' yang digunakan dalam minit MPU bertarikh 10 Jun 1998 tidak disebut dalam surat ini tetapi saya berpandangan ini bukanlah perkara yang patut dijadikan isu kerana minit mesyuarat itu yang merupakan lampiran kepada surat dalaman defendan bertarikh 3 Julai 1998 adalah dalam bahagian 1 ikatan D yang kebolehterimaan dan kesahihan kandungannya telah dipersetujui bersama dan tidak dipertikaikan. Tentang siapa itu 'pelanggan', keterangan SD1 dan SD2 menjelaskan mereka ialah para graduan, defendan dan para jemputan daripada institusi pengajian tinggi, pihak swasta dan kerajaan. Adalah tidak tepat bagi peguamcara plaintif yang bijaksana untuk menyimpulkan bahawa tidak ada aduan yang diterima oleh defendan mengenai prestasi plaintif kerana tidak ada keterangan dokumentari mengenainya. Aduan daripada tetamu defendan, menurut keterangan SD2, diterima secara lisan dan dipanjangkan kepada pengurusan defendan. Saya menerima keterangan ini sebagai bermerit berdasarkan kedudukan SD2 sebagai penolong pendaftar dan kemudiannya sebagai ketua di pejabat perhubungan awam defendan yang semunasabahnya terlibat dalam hubungan dengan pihak luar bagi pihak defendan. Keterangan SP2 tidak membantu kes plaintif kerana pengetahuan SP2 terhad semata-mata kepada mutu gambar yang diambil dan tidak mengenai perkara lain, selain keterangan SP2 yang bercanggah secara langsung dengan keterangan SP1 sendiri dan keterangan dokumentari kontemporari yang pada masa yang material yang menunjukkan plaintif telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk mengatasi masalah pengurangan penggunaan pancaran cahaya yang telah menjejaskan mutu gambar. Surat plaintif bertarikh 31 Disember 2001 per 1 menyebut:

1. Pada tahun 2001 saya telah diarahkan untuk mengurangkan cahaya flash. Tindakan telah saya ambil dengan menggunakan ASA 400 daripada ASA100. Akibatnya cahaya dapat dikurangkan 1/3 daripada yang asal. Filter/Soft Box telah

saya pasang pada 4 Flash daripada 12 Flash. 4 Flash tersebut terpancar berhadapan tetamu kehormat. Akibatnya kualiti gambar gelap dan ramai graduan merungut kualiti gambar yang diperolehi.

[10] Adalah tidak tepat pada pandangan saya bagi kes plaintif diasaskan dan bagi peguamcara plaintif yang bijaksana mengasaskan hujahan beliau kepada surat bertarikh 21 Julai 1994 dalam usaha menekankan hakikat bahawa plaintif telah memenuhi segala terma dan syarat yang dikenakan yang tidak mewajarkan tindakan defendan menamatkan perkhidmatan plaintif. Terma dan syarat pelantikan dalam surat itu tiada kaitan langsung dengan isu (a) yang berbangkit dalam tindakan ini. Maksud kandungan minit mesyuarat MPU bertarikh 10 Jun 1998 dan surat SD1 bertarikh 13 Julai 1998 adalah jelas dan nyata bahawa pelantikan itu bukannya untuk tempoh lima tahun. Dan, kesannya adalah pelantikan itu bukannya untuk tempoh lima tahun sekaligus tanpa terganggu sepertimana tempoh yang dinikmati oleh plaintif selama lima tahun dari 1994–1998. Syarat kelulusan pelantikan kali ini bukan lagi bertumpu kepada harga gambar dan jumlah sumbangan tetapi kepada prestasi perkhidmatan plaintif yang mestilah memuaskan hati yang adalah tertakluk kepada kajian semula dan penilaian oleh defendan setiap tahun dari 2000–2004. Sekiranya defendan tidak berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan plaintif maka defendan berhak untuk tidak menyambung perkhidmatan plaintif lagi bagi tahun berikutnya. Itulah yang telah dilakukan oleh defendan dalam kes ini, memilih untuk tidak meneruskan perkhidmatan plaintif bagi tahun 2002.

[11] Plaintif telah menerima surat bertarikh 13 Julai 1998 itu dan menurut SD2, plaintif tidak mengemukakan bantahan mengenai atau mempertikaikan terma dan syarat pelantikannya itu. Malah, semasa diperiksa balas, plaintif sendiri bersetuju bahawa pelantikan beliau untuk tempoh 1999–2004 adalah tertakluk kepada dua perkara, iaitu perkhidmatan yang memuaskan dan akan dikaji dari setahun ke setahun. Prinsip undang-undang bagi persetujuan yang sebegini disebut oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Mulpha Pacific Sdn Bhd v Paramount Corp Bhd* [2003] 4 MLJ 357 dan saya memetik keputusan yang terkandung dalam nota utama seperti yang berikut:

> It's the court's duty to give effect to the bargain of the parties according to their intention and when that bargain is in writing the intention is to be looked for in the words used unless they are such that one may suspect that they do not convey the intention correctly. If those words are clear, there is very little that the court has to do. The court must give effect to the plain meaning of the words however much it may dislike the result (see p 363-F).

Oleh itu, kandungan surat bertarikh 13 Julai 1998 mestilah diterima seperti yang terkandung dalamnya. Persetujuan plaintif menerima terma dan syarat kontrak yang ditawarkan kepadanya mestilah diberikan kesan yang

dimaksudkan oleh kedua-dua pihak. Plaintif dianggap mengakui hak defendan menilai prestasi perkhidmatannya dari setahun ke setahun dalam memutuskan sama ada kontrak perkhidmatan itu hendak disambung atau sebaliknya.

Isu kedua — sama ada penamatan pelantikan plaintif oleh defendan melalui surat bertarikh 31 Januari 2001 adalah munasabah dan sah

[12] Ini melibatkan penilaian prestasi plaintif. Hak untuk membuat penilaian sedemikian terletak hak pada defendan. Hak ini telah dilaksanakan oleh MPU yang memutuskan untuk tidak menyambung kontrak perkhidmatan plaintif untuk tahun 2002 kerana tidak berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan plaintif berhubung dengan penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan oleh plaintif semasa majlis konvokesyen tahun 2001. Hak untuk membuat penilaian diperkatakan oleh Kang Hwee Gee H (Yang Arif ketika itu) dalam kes *Protemp Exhibitions Sdn Bhd v Ng Lai Teck & Ors (sued as office bearer for Persatuan Peniaga-Peniaga Perabut Muar, Johor) & Anor* [2006] 7 MLJ 64. Nota utama kes itu menyebut yang berikut:

> Clause 3 of the agreement conferred upon the defendants the right to assess the plaintiff's performance on a subjective basis. This was so because the defendants were the employer of the plaintiff and under the circumstances would be entitled to assess the plaintiff's performance in order to decide whether to continue with its employment for the subsequent years (see para 7). Had it been intended that the continued employment of the plaintiff be subjected to an objective assessment, a reference point would have to be provided in the agreement by which the plaintiff's performance may be judged to determine its performance to be entitled to be engaged for the subsequent show (see para 9). The evidence did show that the defendants had considered the performance of the plaintiff subjectively (see para 11). The plaintiff's management performance for the previous shows was in this context quite irrelevant (see para 12).

Selain bersandarkan aduan yang dimaksudkan oleh SD2, banyak yang boleh diperkatakan mengenai tahap prestasi plaintif melalui keterangan plaintif sendiri dan keterangan dokumentari yang menunjukkan ketidakupayaan beliau mengatasi masalah penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan semasa berlangsungnya majlis konvokesyen defendan dalam tahun 2001, seperti yang berikut:

(a) dalam suratnya bertarikh 16 Oktober 2000, plaintif mengakui penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan telah menyebabkan gangguan kepada jemputan luar yang berada di atas pentas. Melalui surat yang sama, plaintif mengemukakan cadangan bahawa jika penggunaan *soft box* di bahagian hadapan pancaran cahaya tersebut menyebabkan gambar masih kurang bermutu maka plaintif bersedia menggunakan filem ASA (American Standard Association) yang lebih tinggi. Penggunaan ASA 1600 tanpa pancaran cahaya walau

bagaimanapun dikatakan plaintif akan menjejaskan kualiti gambar kerana gambar akan kelihatan pudar dan gelap;

(b) plaintif bersetuju bahawa penggunaan *soft box* dan ASA adalah beberapa cadangan yang dia sendiri tidak pasti tentang keberkesanannya.

[13] Semua ini memberikan gambaran seolah-olah plaintif sendiri tidak tahu apa yang patut dilakukannya untuk mengatasi masalah penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan. Pada pandangan saya, plaintif tidak dapat memberikan kaedah terbaik bagi memastikan segala perkara yang dititikberatkan oleh defendan ditangani dengan sempurna. Pelbagai cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan tetapi semua cadangan itu tidak menunjukkan hasil yang bebas daripada masalah berbangkit yang lain. Contoh-contoh telah diberikan kepada SD2 untuk menunjukkan bahawa teknik dan peralatan yang digunakan beliau adalah yang terbaik tetapi keterangan dokumentari kontemporari menunjukkan langkah plaintif untuk cuba mengurangkan silauan cahaya studio dengan memasukkan *soft box* dalam *studio flash* masih menghasilkan gambar yang kurang kualitinya.

[14] Seterusnya, sehingga 15 Februari 2002 iaitu surat rayuan plaintif (ms 24 ikatan D yang tergolong dalam bahagian I) menunjukkan yang berikut:

> Saya merasakan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Universiti saya patuhi contohnya mengurangkan cahaya lampu flash. Saya telah mengurangkan penggunaan cahaya lampu flash sebanyak 1/34 dan daripada ASA100 ke ASA 400. Jika pihak Universiti menghendaki saya tidak menggunakan flash saya pasti patuhi. Saya akan gantikan dengan cahaya putih (White Light). Cahaya putih tersebut akan saya beli berharga RM10,000. Saya akan membelinya sebanyak 4 buah.
>
> ...
>
> 8. Saya bersedia memperbaiki dari semasa ke semasa kualiti gambar. Kualiti gambar amat baik jika cahaya yang memasuki ke dalam kanta kamera bersesuai dengan ASA 100, ASA 200, ASA 400. Jika menggunakan ASA 800 Atau 1600 gambar akan berbintik-bintik.

Jelas bahawa sehingga 15 Februari 2002, plaintif masih mencadangkan eksperimen yang hendak dibuatnya dan kali ini dengan penggunaan cahaya putih (white light) pula. Semasa pemeriksaan balas, plaintif memberi keterangan bahawa cadangan menggunakan cahaya putih tidak dikemukakan dari awal lagi sebelum defendan menamatkan tempoh kontrak perkhidmatannya kerana cahaya putih berharga RM10,000 sebuah, sentiasa menyala dengan kekuatan cahayanya sebanyak 1100 calvin, cahaya silauannya amat terang dan bahang kepanasan akan lebih terasa oleh jemputan di pentas dan lebih banyak rungutan akan berlaku lagi. Saya tidak nampak rasional

plaintif mencadangkan penggunaan cahaya putih sekarang apabila beliau sendiri menyedari tentang kesan bahang kepanasan akibat daripada penggunaan cahaya putih.

[15] Plaintif seharusnya tahu atau patut tahu apa yang perlu dilakukanya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada majikannya. Salah satu pendekatan yang sepatutnya diambil oleh plaintif ialah membuat *testing* sendiri dari awal lagi mengenai keberkesanan cadangan-cadangannya sebelum bermula majlis konvokesyen atau semasa raptai dan bukannya menunggu sehingga hari konvokesyen untuk mencuba cadangannya itu. Plaintif menggunakan majlis konvokesyen sebagai *testing ground* kerana berpendapat itu merupakan masa paling sesuai untuk dia menentukan kesesuaian penggunaan *soft box* atau ASA yang tinggi kerana pada masa itulah berkumpul semua graduan, pegawai kanan defendan dan jemputan dari luar. Alasan ini adalah tidak munasabah. Raptai, pada pandangan saya, merupakan waktu yang paling sesuai untuk membuat testing kerana penggunaan pentas pada masa itu sudah tentu akan membolehkan plaintif mengenal pasti strategi terbaik bagi penggambilan gambar tanpa mengganggu keselesaan jemputan di pentas. Keterangan SD3 mengenai pengadaan raptai pada pandangan saya bukanlah suatu fikiran semula. Keterangan plaintif bahawa dia memilih untuk tidak membuat *testing* sebelum majlis konvokesyen bermula menunjukkan raptai bukanlah sesuatu yang di luar pengetahuannya.

[16] Prestasi plaintif diperihalkan dengan tepat oleh SD2 apabila beliau menyatakan daripada pengamatannya bahawa setiap kali pihak pengurusan memaklumkan tentang kelewatan atau kekurangannya, plaintif telah mencuba untuk mengatasinya dengan kaedah baru tetapi hakikatnya adalah plaintif tidak dapat *deliver the performance*. Adalah suatu pengataan yang mengelirukan jika defendan dikatakan tidak membuat apa-apa penilaian tentang prestasi plaintif sebelum menamatkan kontrak perkhidmatannya apabila keterangan yang tidak dipertikaikan oleh plaintif menunjukkan bahawa isu pengunaan pancaran cahaya oleh plaintif telah dibawa ke dalam mesyuarat MPU.

Adakah defendan berniat jahat?

[17] Tidak terdapat merit dalam tegasan plaintif bahawa defendan berniat jahat apabila menamatkan kontrak perkhidmatan plaintif kerana keterangan SD2 dan SD3 menunjukkan bahawa selepas perkhidmatan plaintif ditamatkan, Captain Colour Lab dilantik sebagai jurugambar rasmi selama setahun sahaja dan perkhidmatan itu juga tidak disambung kerana masalah penggunaan pancaran cahaya berlebihan yang sama.

Seterusnya, keterangan SD3 menunjukkan pada tahun 2002, jurugambar rasmi ialah Captain Colour Lab dan pada 2003, Foto Unigraduate. Captain Colour Lab tidak dilantik bagi tahun 2003 kerana gambar tidak bermutu. Bagi

tahun 2004 dan 2005, jurugambar rasmi masih Foto Unigraduate. Dari tahun 2006, Worldwide Foto Unigraduate dilantik dari setahun ke setahun. Setelah tamat setahun, tender dibuka untuk sebut harga. Saya berpandangan layanan defendan terhadap semua jurugambar rasmi yang dilantik selepas plaintif adalah sama, menekankan kepada mutu perkhidmatan yang diberikan dan tidak memperlihatkan faktor pertimbangan yang lain yang membayangkan apa-apa niat jahat terhadap plaintif.

[18] Masih mengenai pengataan niat jahat, plaintif telah mentafsirkan pelawaan defendan untuk mengemukakan semula permohonan sebagai jurugambar rasmi menunjukkan bahawa penamatan kontrak perkhidmatannya adalah dibuat dengan niat jahat kerana mengapa perlu defendan berbuat demikian jika benar prestasinya tidak memuaskan. Sekali lagi saya tidak melihat apakah niat jahat yang dimaksudkan. Bertentangan dengan pentafsiran plaintif, penjelasan SD2 yang tidak dipatahkan menunjukkan bahawa pelawaan itu adalah untuk memberi plaintif peluang memohon kontrak yang lain dengan harapan plaintif akan memperbaiki perkhidmatan dan dapat bersaing dengan pihak yang lain. Saya berpendapat prestasi perkhidmatan yang ditunjukkan oleh plaintif semunasabahnya mewajarkan defendan menamatkan kontrak perkhidmatannya dan tindakan defendan itu adalah sah.

Sama ada defendan telah memberikan notis kepada plaintif untuk memperbaiki atau memperbetulkan keingkaran sebelum menamatkan pelantikan plaintif

[19] Terdapat banyak keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif telah diberikan notis oleh defendan supaya memperbaiki kelemahan perkhidmatannya. Keputusan mesyuarat MPU supaya plaintif dapat mengambil tindakan mengurangkan penggunaan pancaran cahaya ketika mengambil gambar di majlis konvokesyen telah dimaklumkan kepada plaintif. Plaintif mengetahui tentang masalah penggunaan pancaran cahaya yang berlebihan dari 6 Oktober 2000 lagi. Plaintif telah dimaklumkan secara lisan bahawa kontrak perkhidmatannya akan ditamatkan oleh SD2 pada 28 Disember 2001 atas alasan yang sama. Kandungan surat-surat plaintif bertarikh 11 September 2000, 16 Oktober 2000, 31 Disember 2001 dan 15 Februari 2002 menunjukkan dengan jelas plaintif mengetahui sebab penamatan kontraknya. Secara keseluruhannya, keterangan menunjukkan plaintif telah diberikan banyak peluang untuk memperbaiki masalah pancaran cahaya yang berlebihan dan kontrak perkhidmatannya ditamatkan atas premis kegagalannya memperbaiki mutu dan tahap prestasinya.

A **[20]** Dengan yang demikian, saya memutuskan plaintif tidak berjaya membuktikan tuntutannya atas imbangan kebarangkalian dan plaintif tidak berhak kepada ganti rugi yang dituntut. Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

B

Dilaporkan oleh Masrifah Ravendran

C

D

E

F

G

H

I